

NAMA : TINGKATAN:

NO. KAD PENGENALAN

| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN

SPM 2021

GEOGRAFI

Kertas 1

1¼ jam

2280/1

Satu Jam Lima Belas Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab *semua* soalan
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian, hitamkan jawapan yang baharu.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.


Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih **satu** jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan **hitamkan** ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.

- Terdapat arus perolakan
- Membentuk 85% jisim bumi

1 Apakah struktur bumi yang dapat dikaitkan dengan maklumat di atas?

- A Mantel
- B Teras luar
- C Kerak bumi
- D Teras dalam



2 Apakah maklumat yang dapat dikaitkan dengan **Lapisan X**?

- I Dikenali sebagai plat daratan
- II Kaya dengan silika dan aluminium
- III Ketebalan antara 5 km hingga 10 km
- IV Batuan utamanya adalah basalt dan gabro

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

3 Bagaimanakah gunung berapi memberi kesan positif kepada penduduk setempat?

- A Petempatan penduduk bertambah
- B Perubahan landskap berlaku
- C Pertambahan flora dan fauna
- D Aktiviti perlombongan sulfur


4 Apakah contoh batuan yang terbentuk daripada pemejalan magma?

- A Granit
- B Garam
- C Marmar
- D Konglomerat

5 Apakah proses yang dapat dikaitkan dengan pembentukan batuan metamorfosis?

- A Pembekuan dan pemejalan magma
- B Pemadatan dan penyimenan batuan
- C Suhu dan tekanan tinggi
- D Luluhawa dan hakisan

6 Di manakah lokasi batuan igneus boleh ditemui di Malaysia?



PETA 1 : Malaysia

7 Mengapakah batu kapur penting kepada aktiviti pertanian?

- A Menjadi baja pokok
- B Sumber bahan mentah
- C Mengurangkan keasidan tanah
- D Mengawal serangga perosak



Foto A

Foto B


8 Haiwan seperti dalam Foto A dan Foto B dapat dikaitkan dengan

- A luluh hawa kimia
- B luluh hawa fizikal
- C luluh hawa biologi
- D luluh hawa mekanikal

- 9 Mengapakah proses luluh hawa penting kepada pembangunan negara?
- A Aktiviti ekopelancongan di kawasan batu kapur
 B Aktiviti perikanan di kawasan pinggir pantai
 C Pembinaan petempatan di tanah pamah
 D Aktiviti perlombongan di pentas benua
- 10 Apakah maklumat yang dapat dikaitkan dengan proses gelongsoran tanah?
- A Gerakannya secara perlahan
 B Berlaku di kawasan cerun landai
 C Tanah yang lembap menuruni kawasan cerun
 D Melibatkan runtuh batuan dan puing-puing tanah
- 11 Yang manakah benar tentang perbezaan aliran lumpur dan kesotan tanah?

| | Aliran lumpur | Kesotan tanah |
|---|-------------------------------|---|
| A | Berlaku secara perlahan | Berlaku secara cepat |
| B | Kawasan bercerun landai | Kawasan bercerun curam |
| C | Melibatkan pergerakan tanah | Melalui kawasan alur atau lurah |
| D | Akibat hujan lebat berterusan | Kedudukan pagar dan tiang lampu condong |

- 12 Apakah kesan tanah runtuh di kawasan lebuhraya kepada ekonomi negara?
- A Kepupusan flora dan fauna
 B Kos penyelenggaraan meningkat
 C Aktiviti pertanian pindah terjejas
 D Perhubungan penduduk terganggu



- 13 Apakah bentuk muka bumi yang boleh ditemui di **Peringkat X** dalam rajah di atas?
- A Air terjun
 B Likuan sungai
 C Tasik ladam
 D Dataran banjir

- 14 Apakah peranan ciri fizikal tetambak kepada petempatan penduduk di kawasan sekitar sungai?
- A Mengelakkan banjir
 - B Kawasan penanaman padi
 - C Kaya dengan nutrien dan mineral
 - D Kawasan ekopelancongan utama
- 15 Apakah faktor utama pencemaran sungai di kawasan Lembah Klang?
- I Sisa racun serangga
 - II Lumpur dan mendapan
 - III Aliran sisa dari kilang
 - IV Pembuangan sisa domestik
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 16 Mengapakah kelestarian sungai penting kepada kepelbagaian biologi?
- A Sumber air domestik
 - B Habitat flora dan fauna
 - C Menyederhanakan suhu sekitar
 - D Perubahan landskap kawasan hilir
- 17 Apakah bentuk muka bumi yang terlibat dengan proses hakisan di pinggir laut?
- A Beting pasir
 - B Tetanjung
 - C Tombolo
 - D Teluk
- 18 Apakah faktor yang menyebabkan kawasan '*Langkawi Geopark*' sesuai untuk aktiviti ekopelancongan?
- A Terletak di pentas benua
 - B Kawasan teluk yang terlindung
 - C Keunikan pandang darat karst
 - D Kawasan pantai berombak
- 19 Bagaimanakah pembinaan tukun tiruan memberi kesan positif kepada persekitaran fizikal?
- A Pertambahan pelancong
 - B Habitat hidupan akuatik bertambah
 - C Mencantikkan kawasan dasar laut
 - D Memajukan aktiviti perikanan

20. Apakah langkah yang boleh dijalankan untuk mengatasi masalah hakisan ombak?
- A. Menanam tanaman tutup bumi
 - B. Membina tembok penahan ombak
 - C. Menguatkuasakan undang-undang
 - D. Mewujudkan kawasan pelancongan

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Jumlah penduduk kurang daripada 50 orang sekilometer persegi• Aktiviti ekonomi tertumpu kepada ekonomi sara diri |
|---|

21. Maklumat di atas merujuk kepada taburan penduduk di kawasan
- A. Lembangan Nil
 - B. Lembangan Amazon
 - C. Lembangan Hwang Ho
 - D. Lembangan St. Lawrence

| Negeri Z | |
|-----------------|------------------------|
| Keluasan | 10 000 km ² |
| Jumlah Penduduk | 1,150,000 orang |

22. Berdasarkan maklumat di atas, berapakah kepadatan penduduk negeri Z?
- A. 15 orang / km²
 - B. 150 orang / km²
 - C. 115 orang / km²
 - D. 1115 orang / km²
23. Antara berikut, kawasan manakah yang taburan penduduknya dipengaruhi oleh faktor tanah yang subur?
- A. Siberia
 - B. Pulau Jawa
 - C. Gurun Sahara
 - D. Lembangan Congo
24. Antara berikut yang manakah kesan-kesan sosial akibat kepadatan penduduk di sesebuah kawasan?
- I. Penyakit berjangkit
 - II. Kemiskinan bandar
 - III. Meluaskan saiz pasaran
 - IV. Pencemaran sumber alam
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

25 Apakah faktor yang mempengaruhi kadar kelahiran yang tinggi di sesebuah negara?

- A Jangka hayat yang tinggi
- B Tahap pendidikan rendah
- C Kadar migrasi rendah
- D Wanita berkerjaya

26 Apakah faktor yang menyebabkan kadar kematian di sesebuah negara menurun?

- A Taraf kesihatan tinggi
- B Kadar kesuburan tinggi
- C Perkahwinan di usia muda
- D Amalan perancangan keluarga

27 Apakah contoh negara yang mengalami piramid progresif?

- A Jepun
- B Kanada
- C Malaysia
- D Bangladesh

- Tenaga kerja ramai
 - Pasaran tempatan luas
 - Kumpulan tanggungan tinggi

28 Pernyataan di atas boleh dikaitkan dengan

- A Piramid stabil
- B Piramid regresif
- C Piramid progresif
- D Piramid terganggu

29 Apakah faktor tolakan yang menyebabkan berlakunya migrasi bandar ke luar bandar?

- A Peluang pekerjaan terhad
- B Peluang pendidikan luas
- C Kadar kemalangan tinggi
- D Kos hidup tinggi



Petunjuk :



Arah aliran migrasi

PETA 2 : Semenanjung Malaysia

30. Apakah faktor yang mempengaruhi migrasi ke kawasan dalam peta di atas?
- A Dasar kerajaan
 - B Kadar upah rendah
 - C Banyak peluang pekerjaan
 - D Mencari ketenangan
31. Apakah faktor tolakan yang menyebabkan migrasi pelarian Rohingya ke Malaysia?
- A Ketidakstabilan politik
 - B Kekurangan pekerjaan
 - C Wabak penyakit Covid 19
 - D Kadar upah yang rendah
32. Apakah kesan migrasi pekerja asing kepada ekonomi Malaysia?
- A Penyakit merebak
 - B Pengaliran keluar wang
 - C Pasaran barangan terhad
 - D Pertambahan kepadatan penduduk
33. Apakah yang perlu dilakukan bagi mengurangkan kesan migrasi antarabangsa?
- A Meningkatkan kemasukan pekerja asing
 - B Meningkatkan kemahiran pekerja tempatan
 - C Menambah kuota visa pekerja asing ke Malaysia
 - D Mengimport tenaga buruh dari Eropah
34. Apakah yang akan berlaku akibat pembinaan bangunan konkrit pencakar langit di bandar-bandar besar?
- A Jerebu
 - B Hujan asid
 - C Pulau haba
 - D Kesan rumah hijau

Berikut adalah bandar di Malaysia.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Ipoh • Kerteh |
|--|

35. Apakah faktor yang menggalakkan perkembangan awal bandar di atas?
- A Perlombongan
B Tanah yang subur
C Kepadatan penduduk
D Kawasan tanah pamah
36. Apakah faktor sosial yang mempengaruhi proses urbanisasi di Malaysia?
- A Kegiatan ekonomi
B Peluang pekerjaan
C Kemudahan pendidikan
D Kedudukan yang strategik
37. Mengapakah urbanisasi penting kepada pembangunan ekonomi di kawasan bandar?
- A Meluaskan pasaran barangan
B Menggalakkan proses emigrasi
C Meningkatkan integrasi penduduk
D Memajukan pendidikan
38. Apakah kesan urbanisasi ke atas landskap bandar?
- A Pembinaan bangunan tinggi
B Kejadian hujan asid
C Berlaku pulau haba
D Banjir kilat
39. Mengapakah tumbuhan hijau diperlukan di kawasan bandar?
- A Menggalakkan aktiviti pertanian
B Menjadi sumber bahan mentah
C Menyederhanakan suhu bandar
D Mengurangkan kejadian hujan asid
40. Kombinasi manakah yang benar tentang kesan urbanisasi dan langkah mengatasinya?

| | Kesan urbanisasi | Langkah mengatasi |
|---|------------------|-------------------------------|
| A | Pulau haba | Pembenihan awan |
| B | Banjir kilat | Membina jalan bertingkat |
| C | Hujan asid | Penggunaan bahan biodegradasi |
| D | Jerebu | Menggunakan pengangkutan awam |

KERTAS SOALAN TAMAT